

BH 23.5.2013 v3
khidmat nasihat anggota SISPA amat diperlukan dalam pembentukan organisasi yang mantap," katanya berucap merasmikan Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kadet SISPA dan perasmian pejabat SISPA di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan, di sini.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Pesuruhjaya Pertahanan Awam, Selamat Dahalan.

Seramai 56 pelajar dipakaikan pangkat oleh Selamat dan Timbalan Naib Cancellor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur selaku Komandan SISPA UMS.

Latih agensi luar

Sulaiman berkata, peranan JPAM bukan lagi terikat kepada aktiviti latihan kepada anggota semata-mata malah terbabit dengan tugas bencana, kecemasan, latihan kepada agensi luar.

"Jika hala tuju mahasiswa IPT ini diterapkan dengan pembabitan dalam JPAM, mereka tidak terabai atau terhenti ilmu," katanya.



Siswa Pertahanan Awam IPT

Selamat (duduk tengah) dan di sebelah kirinya Dr Kasim bergambar bersama-sama anggota SISPA bersempena dengan Majlis Pemakaian Pangkat Siswa Pertahanan Awam (SISPA) Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan di UMS Labuan.

Labuan: Seramai 4,800 mahasiswa di 36 institusi pengajian tinggi IPT menjadi anggota Siswa Pertahanan Awam (SISPA) bagi meningkatkan kemahiran.

Ketua Pengarah Jabatan Pertahanan Awam, Datuk Sulaiman Keling, berkata

Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) membuka peluang seluas-luasnya kepada mahasiswa IPT untuk menceburi peluang kerjaya sukarela itu.

Katanya, JPAM menyediakan pelbagai kemahiran termasuk aspek penyelama-

tan, bantuan kecemasan, melawan kebakaran dan kemahiran teknikal yang lain untuk menjadikan mahasiswa lebih berdaya saing.

Pertubuhan mantap "Sumbangan keringat dan